

05/05/1998

Julai tempoh terakhir tingkat imej

KUALA LUMPUR, Isnin - Enam pihak berkuasa tempatan diberi tempoh sehingga Julai ini untuk meningkatkan kemudahan awam, lanskap dan mengecat bangunan sebagai persiapan menerima pelawat asing menjelang Sukan Komanwel XVI pada September ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid, berkata keadaan tandas awam, gerai, longkang, jalan dan papan tanda diperbaiki segera bagi memudahkan pelawat serta memberi imej bersih kepada negara.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Daerah Kajang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Shah Alam serta Majlis Perbandaran Langkawi sudah diarah berbuat demikian.

Menurutnya, kementerian akan membuat pemeriksaan ke atas kemudahan awam itu ketika Sukan Komanwel berlangsung.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta masyarakat menjaga imej negara dengan memastikan penganjuran dan kejayaan Sukan Komanwel mencerminkan budaya rakyat.

Ini termasuk memastikan tandas awam, bandar dan lokasi pertandingan dibersihkan sebagai menjaga imej sebuah negara yang mempunyai nilai tamadun yang tinggi.

(END)